

# PM seru OIC permudah kerjasama perdagangan

**Inisiatif rangsang pertumbuhan ekonomi Islam, bantu tangani cabaran global**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Malaysia merancang untuk melaksanakan kemudahan hubungan kerajaan kepada kerajaan (G2G) bagi memanfaatkan pembiayaan perdagangan Islam dalam kerjasama ekonomi antara negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata inisiatif ini akan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi Islam.

“Memandangkan saiz global kewangan perdagangan Islam hari ini hanya kurang daripada lima peratus daripada anggaran jumlah aktiviti pembiayaan per-

dagangan oleh negara anggota OIC, maka saya menyeru pemimpin OIC untuk ‘menaikkan taruhan dan memudahkan akses rentas sempadan’ bagi meningkatkan inovasi, perdagangan dan pelaburan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tama pada Forum Global Ekonomi dan Kewangan Islam, di Kuala Lumpur semalam.

Turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour; Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin; dan Pengerusi Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) Tan Sri Azman Mokhtar.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia akan menerajui pembangunan program global untuk pakar ekonomi Islam dengan kerjasama rakan pelaksananya.

Perdana Menteri berkata, program itu bertujuan melahirkan ahli ekonomi yang dinamik dan

berkemahiran tinggi yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam ekonomi Islam untuk mencipta penyelesaian bagi menangani cabaran global kontemporari.

“Ia adalah program pelbagai bidang yang menawarkan pendidikan eksekutif, penyelidikan gimaan dan latihan amali pekerjaan untuk peserta memperoleh pengalaman profesional,” katanya.

## Rangka strategi bersepadu

Beliau berkata, pertubuhan Islam antarabangsa dan rakan pembangunan perlu bekerjasama untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa dengan strategi pertumbuhan ekonomi yang bersepadu, holistik dan harmoni.

“Ini termasuk menghapuskan halangan struktur, menambah baik infrastruktur, meningkatkan amalan perdagangan dan memastikan tadbir urus yang baik dalam mengurangkan jurang ekonomi,” katanya.

Bagi Malaysia, Anwar berkata rangka kerja Ekonomi MADANI menentang kaedah baharu

pembangunan bertamadun sebagai panduan ke arah mencapai matlamat pengagihan kekayaan secara adil dan saksama.

“Kerajaan akan terus menyokong inisiatif kewangan sosial Islam di Malaysia,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata nilai ringgit pada masa ini secara umumnya berada pada paras yang baik, antaranya disokong oleh prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan pada suku pertama 2024,

“(Ringgit berada pada paras RM4.69 pagi ini) adalah okay, angka adalah kukuh dan secara umumnya baik.

“Syukur Alhamdulillah, ekonomi kita baik pada suku pertama,” kata beliau kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama.

Malaysia mencatatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 4.2 peratus pada suku pertama 2024 berbanding 2.9 peratus pada suku keempat 2023, didorong oleh perbelanjaan swasta yang lebih kukuh dan pertumbuhan eksport yang positif.